

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD

[K O B A N G I]

Kompleks Pendidikan Islam Bangi (KPIB), Jalan 6C/4, Seksyen 16, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan
Tel. Bimbit (Setiausaha) 012-9433860 E-Mel Setiausaha asrulsms@gmail.com LamanWeb: www.kobangi.com

MESYUARAT PERTAMA LEMBAGA KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD BAGI SESI 2025-2026

Tarikh : Hari Ahad, 15 Jun 2025 bersamaan 18 Zulhijjah 1446H

Masa : Jam 12.00 tengahari

Tempat : Bilik Mesyuarat, Kompleks Pendidikan Islam Bangi,
Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

Hadir:

Prof. Datuk Mohd. Yusof bin Kasim	[1/1]
Hj. Ahmad Denil Hasbullah	[1/1]
Hj. Ahmad Sufie Munasir	[1/1]
Hj. Hussin bin Hj. Yunos	[1/1]
Ustaz Dr Abdul Jamir bin Md. Saad	[1/1]
Prof. Dr. Hj Wan Mohtar Wan Yusoff	[1/1]
En Muhammad Farahi 'Arif Tajul Ariffin	[1/1]
Hj. Gazali Jaafar	[1/1]
Hj. Aminudin Md Desah	[1/1]
Hj. Kamaruddin Mohamed	[1/1]
Hj. Hamdi Othman	[1/1]
Hj. Asrulsani Shahnnon	[1/1]

Turut Hadir :

Hj. Othman Sodikin	[1/1]
Hj. Ahmad Shamsuri Mohamad	[1/1]

Edaran:

Penolong Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Wilayah Gombak/Hulu Langat Aras 7,
Menara MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah 55100 KUALA LUMPUR.
sk amyrayusof@skm.gov.my

AGENDA 1 : MELANTIK Pengerusi Mesyuarat

- 1.1 Mesyuarat sebulat suara melantik Prof. Datuk Mohd. Yusof bin Kasim sebagai Pengerusi dan Hj. Asrulsani bin Shahnnon sebagai Pencatat mesyuarat ini. Mesyuarat pertama ini dipanggil menurut undang-undang kecil 39 (1).

AGENDA 2 : MEMILIH SEORANG Pengerusi, SEORANG Setiausaha dan SEORANG Bendahari Lembaga Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad bagi sesi 2025-2026 menurut Fasal (1) Perenggan (b) Undang-Undang Kecil 39 dan Fasal (2) Perenggan (a) Undang-Undang Kecil 44

- 2.1 Mesyuarat sebulat suara melantik anggota ALK berikut untuk memegang jawatan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari Lembaga Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad bagi sesi 2025-2026 mengikut fasal (1) perenggan (b) undang-undang kecil 39 dan fasal (2) perenggan (a) undang-undang kecil 44 seperti di persetujui dan diluluskan pada MALK6 pada 18 Mei 2025.

1.	Pengerusi	Prof. Datuk Mohd. Yusof bin Kasim
2.	Setiausaha	Hj. Asrulsani bin Shahnnon
3.	Bendahari	Hj. Gazali bin Jaafar

[MAKLUMAN: Semua ALK]

AGENDA 3: MEMILIH WAKIL Lembaga KOBANGI dalam Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-29 Sesi 2025-2026

- 3.1 Mesyuarat bersetuju ALK dan anggota KOBANGI berikut dipilih sebagai jawatankuasa seperti dicadangkan dalam Mesyuarat Agung Ke-29 pada 15 Jun 2025 iaitu:

Bil.	Nama Anggota	No. Anggota
	A. Anggota	
1.	Ahmad Shamsuri Bin Mohamad	K510
2.	Othman Bin Sodikin	K451
3.	Hamdan Bin Ghazali	K529
4.	Abd. Mutalib Bin Bulin	K442
5.	Romlah binti Jaffar	K528
6.	Syazani bin Suhaifi	K522
	B. Anggota Lembaga Koperasi	
7.	Prof Datuk Mohd Yusof Bin Kasim (Pengerusi)	K394
8.	Asrulsani bin Shahnnon	K497
9.	Ahmad Denil Bin Hasbullah	K385
10.	Gazali Bin Jaafar	K494

- 3.2 Setiausaha akan maklumkan kepada mereka untuk menghadirkan diri ke mesyuarat menentusahkan draf minit mesyuarat agung tahunan ke-29.

[TINDAKAN: Setiausaha]

AGENDA 4: MELANTIK WAKIL-WAKIL KOBANGI KE PERSIDANGAN PERHUBUNGAN ANGKASA NEGERI SELANGOR DAN PERSIDANGAN ANGKASA KEBANGSAAN (TARIKH AKAN DITENTUKAN KELAK)

- 4.1 Mesyuarat bersetuju melantik ALK berikut untuk menghadiri Persidangan Perhubungan ANGKASA Negeri Selangor dan Persidangan Kebangsaan ANGKASA bagi sesi 2025-2026 (tarikh-tarikh persidangan akan ditentukan kelak) mewakili KOBANGI. Secara lazimnya, Setiausaha akan mewakili bagi pihak KOBANGI, jika wakil utama yang dilantik tidak dapat hadir:-

Persidangan Kebangsaan ANGKASA

1. Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim (Wakil Utama)

Persidangan Perhubungan ANGKASA Negeri Selangor

1. Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim (Wakil Utama)

[TINDAKAN: Setiausaha]

AGENDA 5: MENETAPKAN TARIKH MESYUARAT JAWATANKUASA MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-29

- 5.1 Mesyuarat bersetuju menetapkan tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-29 pada hari **Jumaat, 20 Jun 2025 9:30 malam di Bilik Mesyuarat KPIB, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan**

[MAKLUMAN: Semua ALK]

AGENDA 6: MENETAPKAN TARIKH MESYUARAT ALK KE-2

- 6.1 Mesyuarat menetapkan tarikh Mesyuarat Ke-2 ALK bagi sesi 2025-2026 pada **Ahad, 22 Jun 2025 pukul 9:00 pagi di Bilik Mesyuarat KPIB, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.**

[MAKLUMAN: Semua ALK]

AGENDA 7: MEMBINCANG HAL-HAL LAIN

7.1 Penolong Setiausaha

Setiausaha memohon untuk mendapatkan seorang pembantu untuk membantu tugas Setiausaha. Mesyuarat bersetuju untuk melantik En Muhammad Farahi 'Arif Tajul Ariffin sebagai Pembantu Setiausaha.

[TINDAKAN: Setiausaha]

7.2 Bahagian

Hj. Ahmad Denil mencadangkan di mansuhkan Bahagian Kewangan dan Perolehan dan mewujudkan bahagian baru, iaitu Bahagian Operasi. Bahagian ini akan melaksanakan kerja-kerja pengurusan perniagaan hartanah dengan perniagaan-perniagaan baharu yang dicadangkan oleh bahagian PPS dan telah mendapat kelulusan ALK.

Mesyuarat telah meluluskan perlantikan nama-nama ALK berikut bagi memegang jawatan Ketua Bahagian dan Setiausaha Bahagian serta Ketua Unit seperti di bawah :-

1. Bahagian Korporat dan Media - Hj Asrulsani Shahnnon
 - a) Unit Pengurusan Sistem Maklumat (MIS) - Hj Asrulsani Shahnnon
 - AJK – En Jamalulail Abd. Kadir
 - AJK – En. Syazani Suhaifi
 - b) Unit Pelan Strategik - Dr. Hj. Wan Mohtar Wan Yusoff
 - AJK – Semua ALK
2. Bahagian Pembangunan Perniagaan Strategik - Muhammad Farahi 'Arif Tajul Ariffin
 - SU – Hj. Aminudin Md Desah
3. Bahagian Keaggotaan - Dr. Hj. Wan Mohtar Wan Yusoff
 - SU - Hj Hamdi Othman
4. Bahagian Syariah Dan Kebajikan - Ustaz Dr Abdul Jamir Md Saad
5. Bahagian Operasi – Hj. Ahmad Sufie Munasir
 - SU - Hj. Kamaruddin Mohamed

Semua Ketua Bahagian di kehendaki menamakan AJK bagi bahagian masing-masing dan laporkan dalam MALK2 nanti dan di galakkan melibatkan ramai anggota KOBANGI sebagai AJK.

[MAKLUMAN: Semua ALK]

PENANGGUHAN

Pengerusi berdoa semoga ALK dapat melaksanakan tugas ALK dengan sebaik mungkin dan dapat berkerja dalam satu pasukan untuk membawa KOBANGI ketahap yang lebih maju di masa depan.

Mesyuarat ditangguhkan pada Jam 1.00 tengahari dengan ucapan terima kasih Tuan Pengerusi kepada semua yang hadir mesyuarat ini.

Disediakan:




[HJ ASRULSANI BIN SHAHNON]

Setiausaha

Lembaga KOBANGI Sesi 2025-2026

Disahkan:



[PROF. DATUK MOHD. YUSOF BIN KASIM]

Pengerusi

Lembaga KOBANGI Sesi 2025-2026